EMAS AKSESTUNAI (*GOLD CASHACCESS*)
TERMA DAN SYARAT

NOTIS PENTING:

PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT INI (T&C) SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM.

1.0 GAMBARAN KESELURUHAN

Terma & syarat (T&C) Emas AksesTunai (*Gold CashAccess*) hendaklah dibaca bersama dengan T&C Akaun Emas-i Bank Islam (BIGA-i). Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan di antara dua T&C tersebut, T&C Emas AksesTunai (*Gold CashAccess*) akan terpakai bagi penyelesaian percanggahan berkenaan dengan Emas AksesTunai (*Gold CashAccess*).

2.0 TAKRIFAN

Di dalam T&C ini, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:

"Aset Gadaian" merujuk kepada jumlah gram emas yang terkumpul di dalam Akaun Emas-i Bank Islam (BIGA-i) milik Pelanggan, yang dijadikan cagaran bagi tujuan pembiayaan.

"Bank Islam" merujuk kepada Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944 (98127-X))

"Harga Jualan" merujuk kepada harga jualan komoditi yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank Islam termasuk harga belian dan keuntungan di bawah Kemudahan ini.

"Pelanggan" merujuk kepada pelanggan Bank Islam yang telah membuka BIGA-i dengan Bank Islam.

"Pembekal Emas" merujuk kepada syarikat yang telah dipilih oleh Bank Islam untuk menjadi pembekal/penyedia emas bagi memudahkan transaksi emas di bank.

PUBLIC

"Lembaran Maklumat Produk" atau **"PDS"** bermaksud lembaran yang mengandungi maklumat dan pendedahan yang berkaitan dengan terma-terma utama bagi Emas AksesTunai (*Gold CashAccess)*.

"Notis Tuntutan Terakhir" merujuk kepada notis lelongan yang dihantar kepada pelanggan sebagai peringatan terakhir sebelum Bank Islam mengambil tindakan melupuskan Aset Gadaian.

"Tempoh Gadaian" merujuk kepada tempoh Aset Gadaian dijadikan sebagai jaminan bagi kontrak pembiayaan Emas AksesTunai (*Gold CashAccess*).

"Waktu Transaksi" merujuk kepada tempoh transaksi atas talian melalui BIMB Mobile dan BIMB Web dari 8.30 pagi hingga 10.30 malam, setiap hari.

3.0 TAKRIF ISTILAH MUAMALAT

"Murabahah" bermaksud Kontrak jualan berasaskan kos tokok apabila kos perolehan dan margin keuntungan penjual didedahkan kepada pembeli pada masa kontrak. Penyelesaian harga biasanya dibuat secara bayaran tangguh.

"Tawaruq" bermaksud kontrak yang terdiri daripada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan aset daripada penjual kepada pembeli secara bayaran tertangguh. Kemudiannya, pelanggan daripada jualan pertama menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta.

"Wakalah" merujuk kepada kontrak yang mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil), memberi kuasa kepada pihak yang lain bertindak selaku ejen (wakil) kepada dirinya dalam melakukan sesuatu tugasan dalam urusan yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang yuran.

4.0 TERMA DAN SYARAT

1. Pelanggan memperakui bahawa Pelanggan memohon kemudahan Emas AksesTunai (*Gold CashAccess*) sebagai cagaran berasaskan konsep Tawarruq daripada Bank Islam. Tatacara Tawarruq adalah seperti berikut:

    i. Pelanggan membeli komoditi (yang telah diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam) daripada Bank Islam pada Harga Jualan yang dinyatakan di atas dengan bayaran tangguh.

ii. Pelanggan kemudiannya menjual komoditi yang telah dibeli kepada Pembeli Komoditi (pihak ketiga) melalui Bank Islam sebagai wakil Pembeli Komoditi secara tunai yang bersamaan dengan Jumlah Pembiayaan yang diberikan kepada Pelanggan.

Walau bagaimanapun, Pelanggan mempunyai pilihan untuk mengambil komoditi secara fizikal dan Pelanggan hendaklah menanggung semua kos dan perbelanjaan berhubung dengannya.

2. Pelanggan bersetuju bahawa apa-apa permohonan, arahan, persetujuan, penerimaan, kelulusan, perisytiharan, pengesahan, perjanjian atau komunikasi lain yang berkaitan dengan mana-mana produk, perkhidmatan, kemudahan atau transaksi dengan Bank Islam boleh dibuat, diberikan atau diterima secara elektronik.

3. Pelanggan bersetuju bahawa sebarang penerimaan secara elektronik, termasuk dengan menekan butang penerimaan, menandakan kotak persetujuan (checkbox), memasukkan kata laluan, PIN, OTP (Kata Laluan Sekali Guna), kod keselamatan, menggunakan pengesahan biometrik, pengesahan perbankan internet atau perbankan mudah alih, tandatangan elektronik, tandatangan digital atau apa-apa kaedah elektronik lain yang diluluskan oleh Bank Islam, hendaklah menjadi persetujuan yang sah dan mengikat terhadap terma dan syarat, perjanjian, perisytiharan, pendedahan serta dokumen yang berkaitan, dan hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti tandatangan tulisan tangan.

4. Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa apa-apa tandatangan elektronik atau penerimaan secara elektronik yang diberikan oleh Pelanggan adalah sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang, serta mempunyai kesan perundangan yang sama seperti tandatangan tulisan tangan. Tandatangan elektronik atau penerimaan secara elektronik tersebut hendaklah diiktiraf selaras dengan Akta Perdagangan Elektronik 2006 dan, jika berkenaan, Akta Tandatangan Digital 1997.

5. Tiada permohonan, perjanjian, transaksi, arahan, persetujuan, penerimaan atau dokumen boleh dinafikan kesahan, kebolehkuatkuasaan atau kesan undang-undangnya semata-mata atas alasan bahawa ia dibuat dalam bentuk elektronik atau dibuktikan melalui tandatangan elektronik, tandatangan digital atau rekod elektronik.

6. Rekod elektronik, komunikasi, log sistem, jejak audit serta apa-apa rekod yang dijana melalui sistem Bank Islam hendaklah, kecuali dalam hal berlakunya kesilapan nyata (manifest error), boleh diterima sebagai keterangan yang sah dan boleh dijadikan sandaran oleh Bank berkaitan dengan sebarang arahan, transaksi, persetujuan atau penerimaan yang dibuat oleh Pelanggan.

7. Pelanggan bersetuju bahawa tiada permohonan, perjanjian, transaksi, arahan, persetujuan, penerimaan atau dokumen boleh dinafikan kesahihan, kebolehkuatkuasaan atau kesan perundangannya, atau dicabar oleh Pelanggan, semata-mata atas alasan bahawa ia dibuat, dikomunikasikan, diterima, dilaksanakan, dibuktikan atau disimpan secara elektronik atau melalui penggunaan tandatangan elektronik, tandatangan digital atau rekod elektronik.

PUBLIC

8. Pelanggan bersetuju menggadaikan emas dalam Akaun Emas-i Bank Islam (BIGA-i) (“Aset Gadaian”) sebagai sekuriti kepada Bank Islam berasaskan kontrak Rahn (gadaian) terhadap keberhutangan Pelanggan dan Bank Islam berhak melupuskan Aset Gadaian, melalui penjualan kepada Pembekal Emas berdasarkan harga emas semasa, jika berlaku mana-mana perkara yang dinyatakan pada perenggan 21 di bawah. Aset Gadaian akan di lien oleh Bank Islam dan Pelanggan tidak boleh melakukan apa-apa transaksi terhadap Aset Gadaian tersebut sehingga pembayaran penuh kemudahan dibuat.

9. Pelanggan hanya dibenarkan membuat penyelesaian penuh pembiayaan mulai hari berikutnya selepas tarikh pengeluaran pembiayaan oleh Bank Islam.

10. Selepas Pelanggan melunaskan keseluruhan jumlah keberhutangan di bawah kemudahan ini, lien ke atas Aset Gadaian akan dibatalkan serta-merta oleh Bank Islam tanpa sebarang tempoh menunggu. Pelanggan boleh menjalankan semula sebarang transaksi berkaitan Aset Gadaian tersebut.

11. Pelanggan boleh membuat gadaian tidak melebihi jumlah maksimum berdasarkan nilai emas dalam BIGA-i atau RM500,000 secara terkumpul, yang mana lebih rendah.

12. Pelanggan boleh memohon kemudahan Emas AksesTunai (*Gold CashAccess*) melalui BIMB Web dan BIMB Mobile. Semasa permohonan dijalankan, Pelanggan perlu menetapkan akaun yang akan digunakan untuk pembayaran jumlah keuntungan dan penerimaan amaun pembiayaan. Pelanggan dikehendaki melengkapkan permohonan dalam masa yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang perubahan pada harga emas semasa.

13. Tempoh maksimum kemudahan adalah selama lapan belas (18) bulan dari tarikh pembiayaan diberikan serta gadaian dibuat. Pelanggan hendaklah menjelaskan jumlah keuntungan pada setiap enam (6) bulan Tempoh Gadaian. Sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan jumlah keuntungan tersebut, maka Pelanggan telah mungkir T&C Emas AksesTunai (*Gold CashAccess*) dan Bank Islam berhak melupuskan Aset Gadaian. Pelanggan juga berhak untuk membuat penyelesaian penuh dan menebus Aset Gadaian pada bila-bila masa.

14. Pembayaran boleh dibuat melalui mana-mana saluran sedia ada dan disediakan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa. Bank Islam menerima pembayaran melalui BIMB Web, BIMB Mobile, pembayaran ke akaun pembiayaan melalui pindahan dana melalui Perbankan Atas Talian, Mesin Teler Automatik (ATM) atau Mesin Deposit Wang (CDM) atau di Kaunter Bank Islam.

15. Semua bayaran yang dibuat oleh Pelanggan hendaklah disifatkan sebagai pembayaran bagi menyelesaikan Harga Jualan atau sebahagian daripadanya yang masih belum dibayar di bawah Terma dan Syarat ini.

16. Pelanggan mengakui dengan pengiraan Harga Jualan mengikut formula dan bayaran yang perlu dijelaskan pada tarikh bayaran berdasarkan Tempoh Gadaian, seperti yang dinyatakan di bawah.

Formula Keuntungan = Nilai Aset Gadaian x Kadar Keuntungan x Tempoh Pembiayaan

Harga Jualan	**Bayaran Berdasarkan Tempoh Gadaian**
Ilustrasi: *Nilai Aset Gadaian : RM10,000* *Jumlah Pembiayaan : RM7,000* *Kadar Keuntungan Siling : 11.25%* *Tempoh Harga Jualan : 18 bulan (549 hari)* Pengiraan Harga Jualan = Jumlah Pembiayaan + Keuntungan = RM7,000 + [RM10,000 x 11.25% x (549/365)] = RM7,000 + RM1,692.12 = **RM8,692.12**	*Ilustrasi:* *Nilai Aset Gadaian : RM10,000* *Jumlah Pembiayaan : RM7,000* *Kadar Keuntungan Efektif : 9.6%* *Tempoh Gadaian : 6 bulan (184 hari)* Pengiraan Jumlah Bayaran = Jumlah Pembiayaan + Keuntungan = RM7,000 + [RM10,000 x 9.6% x (184/365)] = RM7,000 + RM483.95 = **RM7,483.95**

Nota Penting

- Bank Islam telah menetapkan tarikh matang tunggal pada setiap 5 haribulan bagi pembiayaan ini. Terdapat perbezaan tarikh bayaran jika kemudahan diberikan pada, sebelum atau selepas 5 haribulan, seperti ilustrasi di bawah:

Senario	Tarikh Kemudahan	Tarikh Bayaran
Kemudahan diberikan pada atau sebelum 5 haribulan	05/01/2025	05/07/2025
Kemudahan diberikan selepas 5 haribulan	06/01/2025	05/08/2025

PUBLIC

- Ibra' (rebat) akan diberikan kepada Pelanggan dalam keadaan berikut:-

  a) Ke atas perbezaan di antara Harga Jualan dan jumlah bayaran sebenar yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan Tempoh Gadaian selepas penjelasan penuh kemudahan dan penebusan Aset Gadaian dibuat; atau
  b) Sekiranya pembiayaan diselesaikan lebih awal daripada tempoh asal, di mana ibra' (rebat) akan diberikan ke atas keuntungan tertangguh yang tidak diperoleh.

- Formula pengiraan ibra' (rebat) adalah seperti berikut :-

  Ibra' (rebat) bagi penyelesaian awal pembiayaan = Keuntungan Tertangguh

  Nota:
  a) Keuntungan Tertangguh = Jumlah keuntungan Dikontrakkan – Keuntungan Terakru.
  b) Jumlah keuntungan Dikontrakkan = Harga Jualan – Harga Belian (atau Amaun Pembiayaan).
  c) Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (EPR) ke atas baki Harga Belian belum selesai (atau Amaun Pembiayaan) yang dikeluarkan (atau digunakan).

- Rebat yang diberikan kepada Pelanggan berdasarkan ilustrasi di atas berjumlah RM8,692.12 – RM7,483.95 = **RM1,208.17**.

17. Segala makluman dan notis kepada Pelanggan akan disampaikan melalui e-mel dan 'push' notifikasi yang turut boleh diakses melalui peti masuk di BIMB Web dan BIMB Mobile. Makluman dan notis yang dihantar melalui saluran digital tersebut akan dianggap telah diterima oleh Pelanggan pada tarikh makluman tersebut dihantar.

18. Apapun yang dinyatakan di atas, semua pembayaran yang dibuat di bawah Kemudahan ini akan dianggap sebagai bayaran untuk amaun yang tertunggak dan lain-lain caj. Sebarang lebihan akan dianggap sebagai prabayaran.

19. Amaun tunggakan hanya akan dianggap selesai apabila Pelanggan membuat bayaran penuh bagi jumlah yang perlu dibayar kepada Bank. Jika jumlah bayaran masih tidak mencukupi, akaun akan kekal dalam status tunggakan walaupun terdapat pembayaran sebahagian. Sekiranya selepas tarikh matang jumlah bayaran masih tidak mencukupi, Bank Islam berhak untuk melaksanakan pelupusan Aset Gadaian mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Bank.

20. Sekiranya hasil daripada pelupusan aset gadaian adalah tidak mencukupi bagi menjelaskan keseluruhan amaun yang terhutang, Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk melunaskan baki tertunggak tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh notis tuntutan dikeluarkan oleh pihak Bank.

21. Bank Islam berhak mengambil tindakan undang-undang atau melupuskan kesemua Aset Gadaian atau menggabung dan menyatukan kesemua atau mana-mana akaun pelanggan bagi menolak selesai keberhutangan Pelanggan terhadap Bank Islam sekiranya:

    a) Selepas tamat tempoh dua puluh satu (21) hari daripada tarikh Notis Tuntutan Terakhir yang dikeluarkan oleh Bank Islam bagi menuntut amaun tertunggak termasuk segala kos berkaitan apabila:
        i. Pelanggan gagal dan/atau ingkar menjelaskan bayaran Jumlah Pembiayaan dan Keuntungan dalam tempoh yang ditetapkan;
        ii. Berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal; dan/atau
        iii. Pelanggan melanggar mana-mana syarat di dalam Perjanjian Pembiayaan Emas AksesTunai (*Gold CashAccess*) ini dan yang berkaitan dengannya.

    b) Pelanggan diisytiharkan bankrap;

    c) Bank Islam telah mengeluarkan Notis Penutupan Akaun Pelanggan Berdasarkan Terma and Syarat Bank. Dalam keadaan ini, Pelanggan hendaklah menjelaskan keseluruhan baki keberhutangan dalam tempoh dua puluh (20) hari daripada tarikh Notis Penutupan Akaun.

22. Sebarang lebihan (jika ada) daripada hasil pelupusan Aset Gadaian, setelah kesemua amaun tertunggak termasuk segala kos berkaitan dijelaskan, akan dikreditkan ke akaun Pelanggan dengan Bank Islam. Jika terdapat sebarang kekurangan, Bank Islam berhak menuntut baki amaun tertunggak daripada Pelanggan.

23. Pelanggan mengaku bahawa Pelanggan seorang yang berakal sempurna dan bukanlah seorang bankrap sebagaimana yang didefinisikan di bawah Akta Insolvensi 1967 dan sepanjang pengetahuan Pelanggan, tiada sebarang tindakan kebankrapan telah atau sedang diambil terhadap Pelanggan. Pelanggan sedar dan faham akan kesannya jika pengakuan ini adalah tidak benar atau palsu.

24. Pelanggan perlu memaklumkan Bank Islam dengan kadar segera sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran perhubungan Pelanggan bagi memastikan semua urusan surat menyurat sampai kepada Pelanggan dalam tempoh yang ditetapkan.

PUBLIC

25. Bank Islam berhak mengubah atau meminda terma dan/atau syarat di dalam T&C ini tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari secara bertulis kepada Pelanggan dan perubahan dan pindaan tersebut akan mempunyai impak yang sama seperti yang disebutkan di dalam T&C ini dan tidak ada apa-apa di sini yang akan ditafsirkan sehingga dapat menyekat atau mengekang atau menjejaskan mana-mana hak Bank di sini untuk mengubah atau meminda syarat dan/atau syarat tanpa perlu mendapatkan persetujuan atau pengesahan Pelanggan.